

CNS9160

R GB 30-08 00164 BD409

bah

Perutusan - Kebangsaan

DASAR DINAMIK BN BAWA KEMAJUAN MALAYSIA

I

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dinamik dan pengurusan yang cekap adalah penyumbang penting kemajuan negara ini, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini.

Kejayaan ini juga adalah kerana kestabilan politik, kerjasama dan sikap tolak ansur di kalangan rakyat yang berbilang bangsa, katanya dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-37.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC dalam satu kenyataan berkata rakyat Malaysia tidak harus melupakan jasa para pemimpin lepas yang telah menyumbang kepada kejayaan dan pembangunan negara.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) Mohd Yusop Harmain Shah pula berkata kemajuan negara ialah hasil kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota Panel Penasihat Perpaduan Kebangsaan, Lee Lam Thye pula berkata rakyat Malaysia perlu mengambil contoh daripada kejayaan dan kelemahan masa lepas untuk menghadapi masa depan. -- Lagi.

▼30/08/17-13MST

R GB 30-08 00075 BD411

bah

Perutusan - Kebangsaan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Lee dalam satu kenyataan berkata rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini mesti berganding bahu bekerja ke arah mencapai kemajuan negara.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pula berharap pengharaman perhimpnan umum ditarik balik.

Katanya, kerajaan perlu menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan mengenakan undang-undang anti rasuah yang lebih ketat. -- Bernama.

NR AZ.